

## **KATA-KATA ALUAN**

**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
MENTERI KANAN KERJA RAYA MALAYSIA**

**SESI LIBAT URUS PENGGIAT INDUSTRI BERSAMA YB MENTERI KANAN  
KERJA RAYA DAN YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

**22 September 2020 (Selasa), Jam 11.00 Pagi  
Bilik Tanjung, Kementerian Kerja Raya**

---

Terimakasih Saudara Pengacara Majlis

YB Dato' Sri Mustapa Mohamed  
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)

YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Dato' Ir. Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman  
Ketua Pengarah Kerja Raya

YBhg. Dato' Ir. Mohd. Shuhaimi bin Hassan  
Ketua Pengarah Lembaga Lebuh Raya Malaysia

Assalamualaikum WBT, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

### **PENDAHULUAN**

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin dan limpah kurnia NYA jua dapat kita bersama-sama berkumpul pada Sesi Libat Urus Penggiat Industri pada pagi ini. Terlebih dahulu saya mengucapkan terimakasih dan mengalu-alukan kehadiran YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) dan penggiat industri pembinaan yang sudi hadir pada hari ini. Saya

difahamkan terdapat lebih 40 wakil syarikat dan persatuan yang hadir pada sesi libat urus pada hari ini, Alhamdulillah.

YBhg. Tan Sri, Datuk Seri, Datuk-Datuk dan Tuan Puan yang saya dihormati sekalian,

2. Sesi libat urus kita pada hari ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan, cadangan dan maklumbalas mengenai impak Pandemik COVID-19 terhadap industri pembinaan di negara ini. Sehingga 21 September 2020, terdapat 10,276 kes positif COVID-19 dilaporkan di negara ini dengan sebanyak 9,395 kes telah pulih dan discaj serta 130 kes kematian dicatatkan.

### **IMPAK COVID19 KE ATAS INDUSTRI PEMBINAAN**

3. Penularan wabak COVID-19 yang melanda seluruh dunia ini memberi impak kepada sektor pembinaan dan negara kita tidak terkecuali. Susulan daripada arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa pertama dan kedua pada 18 Mac 2020 hingga 14 April 2020, industri pembinaan Malaysia telah mengalami kerugian bernilai RM 11.6 billion. Namun begitu, nilai kerugian ini menurun kepada RM6.9 bilion setelah pembukaan 13 sub sektor industri pembinaan.

4. Selain itu, beberapa impak ketara meliputi isu kewangan, penyampaian projek dan kekangan tenaga kerja juga telah dikenal pasti. Di antaranya adalah kehilangan penggajian dan upah pekerja binaan dengan kadar 30% yang berjumlah sebanyak RM3.3 billion dan kemerosotan penggunaan bahan binaan sebanyak 42% yang bernilai sebanyak RM4.6 bilion.

5. Hasil lawatan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) bagi tempoh 20 April sehingga 20 September 2020 ke atas 7,590 tapak bina, mendapati sebanyak 149 projek pembinaan masih belum beroperasi. Sebanyak 45 daripada 149 tapak bina tersebut tidak dapat beroperasi kerana faktor kewangan.

6. Pihak Kementerian telah dimaklumkan bahawa kurangnya kemudahan dan tiada kelonggaran syarat atau pertimbangan khusus diberikan oleh pihak bank kepada syarikat pembinaan yang terjejas akibat pandemik ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Kementerian Kerja Raya sangat prihatin dengan situasi dan cabaran yang dihadapi oleh penggiat industri pembinaan pada masa ini. Justeru pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan bagi membantu pemulihan sektor pembinaan yang tejejas ekoran pandemik Covid-19.

### **ISU-ISU YANG DIHADAPI OLEH PENGGIAT INDUSTRI PEMBINAAN**

8. Hasil daripada perbincangan dan sesi libat urus yang telah diadakan setakat ini, industri pembinaan sedang berhadapan dengan beberapa isu termasuk:

- (i) Kemampuan kewangan syarikat yang tidak kukuh dan kos *overhead* yang tinggi;
- (ii) Majoriti bilangan syarikat yang berdaftar dengan CIDB terdiri daripada kelas G1-G5 iaitu sebanyak 89,708 (88.7%) yang dikategorikan sebagai usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS);
- (iii) Kebergantungan yang tinggi kepada pekerja asing iaitu seramai 438,264 orang (22% - berbanding sektor lain);
- (iv) Penggunaan teknologi yang masih rendah;
- (v) Kegagalan mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan bagi membiayai projek-projek sedia ada yang tergendala akibat COVID-19.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

## **TUJUAN SESI LIBAT URUS BERSAMA PEMAIN INDUSTRI PEMBINAAN**

9. Untuk makluman, sesi libat urus ini merupakan sesi kedua bersama penggiat industri. Sesi libat urus yang pertama telah diadakan pada 2 Jun 2020 melibatkan seramai 50 orang penggiat industri dan pemegang taruh sektor pembinaan. Pendekatan seperti ini adalah bagi memenuhi aspirasi kerajaan untuk mengukuhkan sinergi kerjasama antara kerajaan, penggiat industri dan pelbagai pihak berkepentingan.

10. Tujuan sesi libat urus kali ini adalah:

- (i) Untuk mendapatkan input dan maklumbalas situasi industri pembinaan akibat daripada impak COVID-19;
- (ii) Mendapatkan maklum balas mengenai cabaran dan halangan yang sedang dihadapi oleh pemain industri ketika ini; dan
- (iii) Mendapatkan cadangan atau inisiatif daripada penggiat industri untuk membantu pemulihan industri pembinaan yang terjejas akibat COVID-19.

11. Untuk makluman, Kerajaan terutamanya Kementerian Kerja Raya melihat industri pembinaan sebagai sebuah industri yang mempunyai potensi besar untuk dikembangkan melalui teknologi dan inovasi berimpak tinggi. Oleh itu, pada masa ini Kementerian Kerja Raya sedang merangka inisiatif dan program-program berasaskan “*digitalising construction sector*” untuk menyokong perancangan pertumbuhan ekonomi negara.

12. Antara inisiatif yang dibangunkan oleh Kementerian Kerja Raya adalah Sistem Binaan Berindustri (IBS), Model Maklumat Bangunan (BIM), inovasi bahan binaan, dan pembangunan fokus baharu industri iaitu senggara infrastruktur. Ini dilihat akan

memberi ruang untuk memperkukuh penyampaian pelaksanaan projek, mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah, mengoptimum sumber kewangan dan bukan kewangan agar selari dengan aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.

13. Bagi tujuan ini, KKR berharap YB Dato' Sri Mustapa Mohamed dan EPU menyokong penuh strategi dan inisiatif yang telah dirancang di bawah RMK-12.

14. Terimakasih sekali lagi saya ucapkan di atas kesudian YB Dato' Sri Mustapa Mohamed dan penggiat industri sekalian di atas kesudian bersama-sama kita pada hari ini. Sebelum mengakhiri ucapan, saya dengan ini ingin menjemput YB Dato' Sri Mustapa Mohamed untuk memberikan kata-kata aluan.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum, Warahmatullahi Wabarakatuh

Terima kasih.